

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN PIHAK BERKUASA NEGERI**  
**KEBENARAN UNTUK MEMINDAHMILIK, MENCAGAR, PAJAK, PAJAKAN KECIL**  
**ATAU LAIN-LAIN SELARAS DENGAN SEKATAN KEPENTINGAN YANG**  
**DIENDORS PADA DOKUMEN HAKMILIK**

Bil.	Butiran	Maklumat Terperinci Prosedur Dan Keperluan Dokumen
1.	Maklumat am	Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri adalah diperlukan bagi tanah-tanah yang mempunyai <u>SEKATAN KEPENTINGAN</u> .
2.	Prosedur Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Semua permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah dibuat melalui Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang.</li> <li>ii) Permohonan hendaklah dibuat oleh pemilik tanah sendiri ataupun melalui peguam yang dilantik oleh pemohon (pemilik tanah/penjual/pembeli/pencagar/pemajak/penyewa)</li> <li>iii) Permohonan hendaklah disertakan dengan borang permohonan yang lengkap dan dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan benar.</li> <li>iv) Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen/suratcara yang telah disetemkan dengan sempurna.</li> <li>v) Kemukakan borang permohonan dan dokumen sokongan ke Unit Consent di paras 22, Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang, KOMTAR untuk semakan.</li> <li>vi) Jelaskan bayaran fi permohonan dan simpan resit pembayaran.</li> <li>vii) Permohonan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja bagi permohonan di bawah had siling penurunan kuasa. Permohonan melebihi had siling akan dibawa ke MMK untuk kelulusan dan mengambil masa 8 minggu bekerja.</li> <li>viii) Permohonan lulus dan Surat Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri sedia dikutip.</li> <li>ix) Pelanggan hadir ke Unit Consent bersama resit bayaran untuk kutipan.</li> </ul>
3.	Borang	Borang Permohonan Consent <a href="https://ptg.penang.gov.my/index.php/component/dropfiles/?view=frontlist&amp;catid[0]=41&amp;Itemid=417#41-41-dropfiles-borang-p3">https://ptg.penang.gov.my/index.php/component/dropfiles/?view=frontlist&amp;catid[0]=41&amp;Itemid=417#41-41-dropfiles-borang-p3</a>

Bil.	Butiran	Maklumat Terperinci Prosedur Dan Keperluan Dokumen
4.	Dokumen sokongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Salinan Cukai Tanah tahun semasa</li> <li>ii) Salinan Carian Rasmi (tempoh sah laku 6 bulan sebelum tarikh permohonan)</li> <li>iii) Salinan Surat Perjanjian Jual Beli / Deed of Assignment / Akuan Sumpah / Deed of Gift / Kontrak Lelongan (sertakan Surat Kuasa Wakil sekiranya lelongan melalui ejen) / Perjanjian Pajakan / Perjanjian Sewaan / Tenansi</li> <li>iv) Salinan Perintah Mahkamah / Pusaka Kecil / Grant of Probate / Letter of Administration (jika berkaitan)</li> <li>v) Surat Kuasa Wakil berdaftar (jika berkaitan)</li> <li>vi) Surat pengesahan pemilik dan alamat hartanah daripada pemaju</li> <li>vii) Salinan Kad Pengenalan depan belakang yang jelas bagi pemohon / penerima / pencagar</li> <li>viii) Salinan Sijil Kelahiran / Sijil Nikah / Daftar Perkahwinan (bagi kes kasih sayang)</li> <li>ix) Permohonan oleh Syarikat: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perakuan Pendaftaran SSM</li> <li>b) Resolusi Ahli Lembaga Pengarah / Jawatankuasa</li> <li>c) Borang permohonan hendaklah dimeterai menggunakan Common Seal dan ditandatangani mengikut resolusi</li> <li>d) Salinan Kad Pengenalan Pengarah</li> <li>e) Sekiranya Syarikat dalam penggulungan / telah digulungkan, urusan akan diambil alih oleh Jabatan Insolvensi atau pelikuidasi</li> <li>f) Ulasan PDC bagi permohonan melibatkan tanah industri</li> </ul> </li> <li>x) Surat Tawaran Pinjaman daripada bank / institusi kewangan</li> <li>xi) Surat Akuan Sumpah dan surat pengesahan bertulis daripada firma guaman sekiranya tiada Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri terdahulu dan/atau Surat Perjanjian Jual Beli (jika berkaitan)</li> <li>xii) Dokumen-dokumen lain yang difikirkan perlu semasa semakan dibuat.</li> </ul>

Bil.	Butiran	Maklumat Terperinci Prosedur Dan Keperluan Dokumen
5.	Fi Permohonan	<p>0.1% daripada nilai jualan / cagaran kepada ringgit yang terhampir tertakluk kepada bayaran minimum RM300.00.</p> <p>Maklumat terperinci kadar fi permohonan boleh dirujuk di <a href="https://ptg.penang.gov.my/index.php/perkhidmatan/perkhidmatan-teras/pengurusan-tanah/pembangunan-tanah">https://ptg.penang.gov.my/index.php/perkhidmatan/perkhidmatan-teras/pengurusan-tanah/pembangunan-tanah</a></p>
6.	Kuasa Melulus	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pengarah Tanah dan Galian, Pulau Pinang.</li> <li>ii) Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi urusan cagaran bernilai: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Industri – melebihi RM20,000,000.00</li> <li>b) Bangunan <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Komersial - melebihi RM10,000,000.00</li> <li>(ii) Kediaman – melebihi RM5,000,000.00</li> </ul> </li> <li>c) Pertanian – melebihi RM1,000,000.00</li> </ul> </li> </ul>
7.	Tempoh Kelulusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) 14 hari bekerja bagi peringkat kelulusan Pengarah Tanah dan Galian, Pulau Pinang.</li> <li>ii) 8 minggu bekerja bagi peringkat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.</li> </ul>